

Peniaga Keramat Mall lega

DBKL setuju penuhi tuntutan bina bangunan tambahan dengan kos RM15 juta untuk peniaga barang basah

>>Oleh Syarifah Dayana
Syed Bakri

dayana@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Peniaga Pasar Datuk Keramat atau Keramat Mall di sini yang enggan berpindah ke kompleks baru kerana pelbagai masalah teknikal kini boleh menarik nafas lega kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersetuju membina bangunan tambahan yang sesuai untuk keperluan mereka.

Bangunan lima tingkat melelan belanja hampir RM15 juta itu bagaimanapun hanya akan siap dalam tempoh tiga tahun dan akan memuatkan peniaga barang basah.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Zainal Abidin, berkata pembinaan bangunan tambahan itu dilakukan demi memenuhi tuntutan peniaga pasar berkenaan yang mahukan

ruang niaga lebih selesa berbanding lot sebelum ini yang didakwa tidak 'mesra' pengguna.

"Satu lawatan diadakan ke pasar berkenaan bulan lalu untuk mendengar pandangan peniaga dan DBKL bersetuju membina bangunan berasingan tetapi berdekatan dengan kompleks itu serta dikhaskan untuk peniaga barangan basah," katanya selepas mengadakan perbincangan dengan wakil peniaga di Menara DBKL, semalam.

Hadir sama, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Fuad Ismail dan Ketua Pengarah DBKL, Datuk Salleh Yusop.

Menurutnya, bangunan tertinggi lima tingkat itu bukan saja menempatkan ruang niaga, malah lebih banyak tempat meletak kenderaan disediakan.

"Jika sebelum ini tempat meletak kenderaan hanya



MESRA...(dari kanan) Ahmad Fuad dan Raja Nong Chik meluangkan masa berbual dengan wakil peniaga Pasar Datuk Keramat di Menara DBKL, semalam.

260, namun selepas bangunan itu siap, ia akan memuatkan kira-kira 600 tempat letak kereta.

"Ia juga secara tidak langsung dapat memberi kemu-

dahan kepada pengunjung kerana bangunan Kompleks Pasar Datuk Keramat turut dilengkapi dewan serba guna," katanya.

Raja Nong Chik, berkata

kompleks berkenaan sudah siap dibina dan akan dibuka kepada peniaga bahan kering serta undian akan dibuka pada Ogos depan.

"Mengikhtisarkan perancangan,

peniaga akan berpindah Oktober nanti dan promosi turut digandakan selepas semua peniaga memulakan aktiviti perniagaan di situ," katanya.

Menurutnya, ruang niaga yang sepatutnya menempatkan peniaga barang basah akan digunakan peniaga lain dan pihaknya bercadang membawa masuk peniaga kraf tangan bagi menjalankan perniagaan di situ.

"Ruang niaga berkenaan tidak akan dibiarkan kosong dan kami memberi peluang kepada peniaga lain menggunakan ruang sedia ada untuk mencari rezeki," katanya.

Keramat Mall yang terletak kira-kira setengah kilometer dari pasar lama itu melelan belanja RM35 juta dan dilengkapi pelbagai kemudahan antaranya teknologi tinggi tenaga solar, dewan serba guna selain menempatkan 448 gerai.